



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

- 1) (a) Jawatan : **PENOLONG PEGAWAI TANAH
GRED NT29
(1 Jawatan)**
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Lembaga Pembangunan Langkawi
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

- 2) Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
NT29	RM1,493.00	RM5,672.00

- 3) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; DAN
 - (c) (i) Sijil dalam bidang ukur tanah atau perancang Bandar dan Wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya:
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,493.00);
ATAU

(ii) Diploma dalam bidang ukur tanah, perancangan Bandar dan Wilayah atau bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,846.15);

4) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5) Taraf Pelantikan : **(i) Calon lantikan baharu adalah secara pelantikan kontrak (interim) selama 3 tahun; dan**
(ii) Pegawai lantikan tetap yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan adalah secara pelantikan tetap

6) Fungsi bidang tugas : Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pentadbiran tanah di peringkat kumpulan pelaksana berhubung urusan permohonan tanah, penyiasatan tanah, urus niaga tanah, hasil tanah, penguatkuasaan tanah dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan tanah yang ditentukan dari semasa ke semasa.

7) Panduan/Cara Memohon

(7.1) Borang-borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web LADA di alamat <https://www.lada.gov.my/jawatan-kosong/>

a) Borang permohonan yang telah siap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:-

- i. Kad Pengenalan;
- ii. Sijil Kelahiran;
- iii. Sijil Berhenti Sekolah;
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia;
- v. Sijil Diploma dan Transkrip; dan
- vi. Lain-lain sijil yang berkaitan(kurikulum & kokurikulum)

(7.2) Setiap permohonan mestilah ditulis (NAMA JAWATAN YANG DIMOHON) di bahagian atas sebelah kiri sampul. Permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:-

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi
Tingkat 3, Kompleks LADA
Jalan Persiaran Putra
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
(u.p. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan)

- 8) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temu duga. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan dari tarikh tutup** permohonan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- 9) Permohonan yang ditolak:
- (9.1) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
 - (9.2) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan (salinan kad pengenalan, sijil lahir dan salinan sijil-sijil yang berkaitan);
 - (9.3) Tidak lengkap dan tidak terang;
 - (9.4) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (9.5) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
 - (9.6) Mengemukakan maklumat palsu;
- 10) **Tarikh tutup permohonan adalah pada 25 Julai 2024 (Khamis)**. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan di talian 04-9600600.